

Newspaper : **Berita Harian**
Date : **20th November 2013**
Title : **BPPSB maju projek RM148.7j di Kelantan**
Section : **Bisnes** Page : **B8**

Bina Puri Holdings Bhd
(207184-X)

BPPSB maju projek RM148.7j di Kelantan



» *Pembangunan hartanah bercampur dijangka siap dalam 3 tahun*

Oleh **Mohd Zaky Zainuddin**
zaky@bh.com.my

Bina Puri Properties Sdn Bhd (BPPSB), anak syarikat milik penuh Bina Puri Holdings Bhd (BPHB) akan memajukan projek hartanah bercampur di Kota Bharu, Kelantan dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM148.7 juta.

Pengerusinya, Tan Sri Dr James Foong Cheng Yuen, berkata BPPSB menjalinkan usaha sama 60:40 dengan Sentosa Jaya Development Sdn Bhd menerusi Bina Puri Sentosa Ventures Sdn Bhd.

Ia bagi membangunkan

projek apartmen servis dikenali Sentosa Residence yang dimajukan di atas tanah seluas 4,291 meter persegi di daerah Kubang Kerian.

Katanya, projek merangkumi pembinaan 339 unit kediaman, 10 unit kedai dan 11 unit pejabat itu akan dimulakan pembinaannya pada suku kedua tahun depan dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun.

Dapat sambutan

Ia adalah projek hartanah pertama BPPSB di Kelantan.

“Walaupun belum dilancarkan, unit apartmen dan kedai bagi Sentosa Residence ketika ini sudah mendapat tempahan kira-kira 20 peratus daripada pembeli dengan anggaran jualan mencecah RM24 juta selepas projek mendapat kelulusan pembinaan daripada pihak berkuasa empat bulan lalu,” katanya kepada media selepas majlis menandatangani perjanjian usaha sama di Selayang, Selangor se-

malam.

Yang hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan BPHB, Tan Sri Tee Hock Seng; Pengarah Urusan Sentosa Jaya Development, Datuk Razali Daud; dan Pengarah Bina Puri Sentosa Ventures Sdn Bhd, Mohd Razif Razali.

Sentosa Residence yang dibangunkan di kawasan strategik berhampiran bandar Kota Bharu antara projek kediaman ikonik di pusat bandar negeri Kelantan yang direka bentuk berasaskan sentuhan Islamik bersesuaian dengan gelaran negeri Cik Siti Wan Kembang sebagai ‘serambi Makkah’.

Dibina dengan struktur satu bangunan dengan empat anjung setinggi 28 tingkat, Sentosa Residence menawarkan lima tingkat eksklusif dengan 40 unit penthouse.

Selain itu, Sentosa Residence menawarkan empat pilihan reka bentuk apartmen yang berkeluasan 729 hingga 1,066 kaki persegi, selain ruang pejabat dan kedai.

“Walaupun belum dilancarkan, unit apartmen dan kedai bagi Sentosa Residence ketika ini sudah mendapat tempahan 20 peratus daripada pembeli dengan anggaran jualan mencecah RM24 juta selepas projek mendapat kelulusan pembinaan daripada pihak berkuasa empat bulan lalu

Dr James Foong Cheng Yuen,
Pengerusi BPPSB

From : Group Corporate Communication Department
Date : 20th November 2013
Subject : Bina Puri News Update